

04 NOV 2002

Tajol-SAR

PERAK KUMPUL DATA KEGIATAN GURU SAR DALAM POLITIK

IPOH, 4 Nov (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak kini dalam proses mengumpul data pembabitan guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) dalam politik, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata untuk tujuan itu, wakil-wakil rakyat serta ketua bahagian Umno di negeri itu telah diminta memberikan maklumat balas mengenai pembabitan sebenar guru SAR dalam politik kepada kerajaan negeri.

"Untuk itu, saya dah memaklumkan kepada anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) dan ketua-ketua Umno bahagian supaya memberi maklumat balas tentang kegiatan politik guru-guru SAR dalam kawasan mereka," katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen tiga hari mahasiswa bersama pemimpin 2002, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata hasil pemantauan, semua guru SAR terutama guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Pasir Salak dan Gerik "boleh dianggap bersih".

Bulan lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan menghentikan sementara bantuan perkapita kepada semua SAR berikutan ada sesetengah sekolah disalahgunakan untuk tujuan politik.

Dr Mahathir berkata keputusan tersebut dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah terbabit dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Tajol Rosli berkata gaji guru SAR dibayar menerusi tiga punca iaitu Jabatan Agama Islam negeri, KAFA dan geran perkapita daripada kerajaan pusat dan jika elaun guru KAFA dan geran perkapita ditahan, ini bermakna guru-guru tersebut hanya mendapat gaji daripada Jabatan Agama Islam negeri.

"Ini sebenarnya memberi kesan kepada mereka. Jadi untuk kepentingan mereka dan para pelajar, guru-guru diminta jangan politikkan sekolah agama," katanya.

Menurutnya guru SAR sepatutnya mengutamakan kepentingan pelajar dengan memberi mereka peluang menuntut ilmu tanpa terlibat dengan sebarang kegiatan politik sewaktu masih belajar.

Tajol Rosli meminta jawatankuasa masjid dan surau di negeri ini tidak mengadakan tazkirah pada sepanjang bulan Ramadan ini bagi mengelak ketegangan.

Katanya tazkirah yang kebiasaannya membabitkan isu semasa, seringkali dipolitikkan dan menyebabkan umat Islam berpecah, sepatutnya dielakkan pada bulan Ramadan.

"Bulan puasa sepatutnya digunakan untuk umat Islam bersatu padu. Lagipun, setahu saya di Perak, sembahyang Terawih dilakukan 23 rakaat. Saya tak nampak ruang untuk tazkirah," kata Tajol Rosli.

-- BERNAMA

KAY LAT